



JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

NOTIS SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan CIDB yang memegang Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja (SPKK) yang masih sah yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk membuat kerja-kerja seperti berikut:-

NO .SEBUTHARGA	JKNSWK/32(K)/2019
TAJUK SEBUTHARGA	SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBAIKAN SISTEM PENCEGAH KEBAKARAN DI ENAM (6) KLINIK KESIHATAN DI JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK.
SIJIL PENDAFTARAN CIDB	CIDB Gred G1, Kategori ME, Pengkhususan M02
LAWATAN TAPAK/TAKLIMAT	Taklimat adalah <i>wajib</i> dan akan diadakan pada:- Tarikh: 27 Ogos 2019 (Selasa) Masa : 10.00am Tempat : Bilik Mesyuarat Sejinjang, Blok Perubatan, JKNS. *Kehadiran untuk sesi taklimat adalah DIWAJIBKAN kepada PENAMA seperti di dokumen sijil yang berkenaan.

Kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta memastikan yang pendaftaran syarikat mereka masih lagi sah. Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran berkenaan bersama-sama permohonan (Lampiran Q) bila mengemukakan permohonan kelak.

Borang Sebutharga (Lampiran Q) boleh didapati dari Seksyen Perolehan, JKNS secara percuma pada waktu pejabat dengan membawa sijil pendaftaran yang ASAL untuk pengesahan pendaftaran.

**Untuk makluman penyebutharga, notis sebutharga ini juga dipamerkan di laman sesawang jabatan iaitu <http://jknsarawak.moh.gov.my> harap maklum.*

Sebutharga hendaklah diserahkan ke alamat di bawah sebelum atau pada:-

Tarikh: 03 September 2019 (Selasa), Jam 12.00 tengahari.

Tempat: Cawangan Perolehan, JKNS Sarawak

Borang Sebut Harga **MESTILAH DITAIP**. Kegagalan mengisi borang Sebut Harga dengan bertaip akan menyebabkan Sebut Harga tidak dipertimbangkan.

Kerajaan tidak akan terikat untuk memilih tawaran yang terendah dari mana-mana Syarikat yang menyertai Sebutharga ini. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan Sebutharga pejabat ini adalah **Muktamad**. Sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak

Tarikh: 22 Ogos 2019